



20 September 2012
20 September 2012
P.U. (A) 304

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA
JENAYAH (REPUBLIK INDIA) 2012

*MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS
(REPUBLIC OF INDIA) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH
(REPUBLIK INDIA) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Republik India) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 28(2) Triti.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, "Triti" ertinya Triti antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik India mengenai Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah yang ditandatangani di Putrajaya, Malaysia pada 12 Mac 2012 yang dibawahnya Republik India telah bersetuju untuk memberikan bantuan dalam perkara jenayah kepada Malaysia.

Pengisytiharan Negara asing yang ditetapkan

3. Republik India diisytiharkan sebagai Negara asing yang ditetapkan bagi maksud Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Pemakaian Akta bagi Republik India

4. Bagi maksud Triti, Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah terpakai berhubung dengan Republik India.

Kemasukan Triti dalam Perintah

5. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL
[Perenggan 5]

TRITI
ANTARA
KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN
KERAJAAN REPUBLIK INDIA
MENGENAI
BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH

SUSUNAN KANDUNGAN

<i>Perkara</i>	<i>Peruntukan</i>
Perkara 1	Ruang Lingkup Bantuan
Perkara 2	Ketidakpakaian
Perkara 3	Penetapan Pihak Berkuasa Pusat
Perkara 4	Pengehadan ke atas Bantuan
Perkara 5	Bentuk Permintaan
Perkara 6	Kandungan Permintaan
Perkara 7	Pelaksanaan Permintaan
Perkara 8	Pengehadan ke atas Penggunaan Keterangan yang diambil
Perkara 9	Perlindungan Kerahsiaan dan Penggunaan Keterangan dan Maklumat
Perkara 10	Pengambilan Keterangan
Perkara 11	Hak atau Obligasi untuk Enggan Memberikan Keterangan
Perkara 12	Membekalkan dokumen, rekod dan objek
Perkara 13	Kehadiran Orang di Negara yang Meminta
Perkara 14	Kehadiran Orang Dalam Jagaan di Negara yang Diminta
Perkara 15	Perjalanan Selamat

Perkara 16	Persidangan Video
Perkara 17	Pengeledahan dan Penyitaan
Perkara 18	Pemulangan Keterangan
Perkara 19	Lokasi atau Mengenal Pasti Orang
Perkara 20	Penyampaian Dokumen
Perkara 21	Bantuan Berkaitan dengan Hasil dan Peralatan Jenayah
Perkara 22	Kesesuaian dengan Perkiraan Lain
Perkara 23	Pemerakuan dan Pengesahan
Perkara 24	Bahasa
Perkara 25	Kos
Perkara 26	Rundingan
Perkara 27	Pindaan
Perkara 28	Ratifikasi, Permulaan Kuat Kuasa dan Penamatan

**TRITI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN KERAJAAN REPUBLIK INDIA
MENGENAI BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH**

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik India (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”):

DIPANDU oleh tradisi hubungan persahabatan antara kedua-dua negara,

BERHASRAT untuk meningkatkan keberkesanan pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang Pihak-Pihak melalui kerjasama dan bantuan bersama dalam perkara jenayah,

TELAH BERSETUJU seperti yang berikut:

PERKARA 1
RUANG LINGKUP BANTUAN

1. Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan selaras dengan undang-undang masing-masing, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama yang seluas mungkin berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan dan prosiding dalam perkara jenayah yang ke atasnya Pihak yang Meminta mempunyai bidang kuasa pada masa bantuan itu diminta.

2. Bantuan bersama yang akan diberikan mengikut Triti ini termasuklah:
 - (a) mengambil keterangan atau pernyataan daripada orang;

 - (b) membuat perkiraan bagi orang memberikan keterangan atau membantu di dalam penyiasatan jenayah, termasuk pemindahan orang dalam jagaan;

 - (c) melaksanakan penyampaian dokumen kehakiman;

 - (d) melaksanakan penggeledahan dan penyitaan;

 - (e) memeriksa objek dan tempat;

 - (f) membekalkan dokumen dan rekod yang berkaitan, termasuk rekod bank, kewangan, korporat atau perniagaan;

 - (g) membekalkan objek, termasuk meminjamkan ekshibit;

 - (h) mendapatkan, melucuthakkan atau merampas harta berkenaan dengan apa-apa perkara jenayah;

 - (i) menyekat urusan dalam harta atau pembekuan harta, yang boleh didapati kembali berkenaan dengan apa-apa perkara jenayah;